



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS (KUIPs)

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENTADBIRAN PUSAT KECERMELANGAN FAIZUDDIN  
(FAIZUDDIN CENTRE OF EXCELLENCE-FCoE)**

Pusat Kecemerlangan Faizuddin (*Faizuddin Centre of Excellence-FCoE*) merupakan inisiatif yang telah dibangunkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) melalui Agihan Holistik MAIPs di bawah Kluster Pendidikan ingin mempelawa calon-calon **Warganegara Malaysia (keutamaan kepada anak-anak negeri Perlis)** yang berkelayakan dalam bidang-bidang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan pentadbiran secara kontrak perkhidmatan di **Pusat Kecemerlangan Faizuddin (*Faizuddin Centre of Excellence -FCoE*)**. Maklumat jawatan mengikut kumpulan perkhidmatan adalah seperti berikut:

JAWATAN	GRED	KEKOSONGAN
<b>Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Pentadbiran)</b>		
• Pengurus/Pegawai Tadbir	N41	1
<b>Kumpulan Pelaksana</b>		
• Penolong Pegawai Tadbir	N29	1

**1. Syarat-Syarat Lantikan Mengikut Jawatan dan Gred Lantikan:**

**PENGURUS/ PEGAWAI TADBIR (GRED N41) (KONTRAK)**

**Pengurus/Pegawai Tadbir (Gred N41)**

- Warganegara Malaysia; dan
- Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda/Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- Memperolehi Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) (termasuk Ujian Lisan) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia (SVM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- Keutamaan kepada calon yang mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) hingga tiga (3) tahun pengalaman sebagai Pengurus/Pegawai Tadbir di Institusi Pendidikan Tinggi sama ada di IPTS/IPTA dan mempunyai berpengalaman luas dalam pengurusan termasuklah perancangan, pengelolaan, penyeliaan, pengarahan, penyelarasan, pengawalan, pelaksanaan dan pelaporan;
- Boleh berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

**RINGKASAN SKOP TUGASAN:**

- Mengurus pentadbiran.
- Menjana Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) FCoE
- Memasarkan keupayaan dan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat.
- Menguruskan permohonan dan status dana.
- Merancang aktiviti pentadbiran FCoE.
- Menyediakan laporan tahunan FCoE.
- Urusan pengkormesilan FCoE.
- Menguruskan hal berkaitan konsultansi dan perkhidmatan disediakan oleh FCoE.
- Menguruskan hal berkaitan konsultansi dan perkhidmatan disediakan oleh FCoE.
- Mewakili semua sub bidang di dalam FCoE tersebut.



## 2. KUMPULAN PELAKSANA

### PENOLONG PEGAWAI TADBIR (GRED N29) (KONTRAK)

#### Penolong Pegawai Tadbir (Gred N29)

- Warganegara Malaysia; dan
- Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- Memiliki sekurang-kurangnya Sijil Tinggi Persekolah Malaysia (STPM) atau kelayakan dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- Mempunyai Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau kelayakan yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- Mempunyai Diploma dalam bidang-bidang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- Memperolehi Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) (termasuklah Ujian Lisan) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia (SVM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- Boleh berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

#### RINGKASAN SKOP TUGASAN:

- Membantu mengendalikan semua urusan pentadbiran pejabat.
- Membantu pengumpulan data-data yang diperlukan oleh Pejabat Ketua Eksekutif / Rektor dan badan-badan berkepentingan.
- Menguruskan aspek pengurusan kewangan.
- Menguruskan pengurusan aset dan inventori.
- Menguruskan fail pejabat.
- Menguruskan hal-hal berkaitan audit.

#### PERHATIAN KEPADA CALON:

1. Pemohon hanya dibenarkan untuk memohon satu (1) jawatan sahaja.
2. Calon-calon lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun hingga 45 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
3. Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun **MESTILAH MELALUI KETUA JABATAN** dan hendaklah disertakan bersama-sama dengan **SALINAN KENYATAAN PERKHIDMATAN DAN LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT) YANG DIKEMASKINI**.
4. Setiap permohonan **MESTILAH** disertai bersama **SALINAN DOKUMEN** berikut yang telah **DISAHKAN**:
  - a. Kad Pengenalan.
  - b. Sijil PMR/SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf.
  - c. Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, PhD (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci).
  - d. Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (Jika Berkaitan).
  - e. Surat Pengesahan Perkhidmatan daripada majikan sedia ada / terdahulu untuk mengambilkira pengalaman kerja / penetapan gaji.
  - f. Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan / Badan Berkanun / separa kerajaan yang sedang berkhidmat).
5. Nama jawatan yang dipohon hendaklah dinyatakan di **Penjuru Atas Sebelah Kiri** sampul surat permohonan.
6. **BORANG YANG TIDAK LENGKAP** dan permohonan calon dari jabatan kerajaan /badan berkanun /separa kerajaan yang tidak melalui majikan **tidak akan diproses**.
7. Hanya permohonan yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.
8. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
9. Pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di Pusat Kecemerlangan Faizuddin (**FAIZUDDIN CENTRE OF EXCELLENCE -FCoE**).



**CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN:**

1. Calon-calun yang berminat boleh memuat turun borang permohonan yang boleh didapati di laman web KUIPs [www.kuips.edu.my](http://www.kuips.edu.my) dan menghantar borong permohonan tersebut berserta Salinan sijil-sijil yang disahkan dan resume ke alamat berikut atau emel dalam bentuk salinan lembut (softcopy) ke [hr@kuips.edu.my](mailto:hr@kuips.edu.my).
2. Borang permohonan yang telah dilengkapkan dan dilampirkan bersama Butiran Peribadi (Curriculum Vitae (CV) / Resume), salinan sijil-sijil kelayakan akademik dan kad pengenalan yang telah disahkan, hendaklah dihantar kepada:

**PENDAFTAR**  
**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS (1032988-M)**  
**Lot 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, & 27**  
**TAMAN SEBERANG JAYA FASA 3**  
**02000 SEBERANG RAMAI KUALA PERLIS, PERLIS**  
**NO. TEL.: 04-985 1867 (Samb.: 1114)**

3. Tarikh tutup permohonan ialah sebelum atau pada 14 Oktober 2021
4. Sebarang surat-menyurat atau emel yang dihantar selepas tarikh tutup tidak akan dilayan. Sebarang keputusan adalah muktamad.
5. Hanya calon yang layak sahaja dihubungi dan calon yang tidak dihubungi akan dianggap gagal selepas tiga (3) bulan daripada tarikh tutup permohonan.

Tarikh diiklankan: 01 Oktober 2021

